

Headline	Penilaian terakhir MHC		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	11 Aug 2020	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	47
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 26,721		



**Pemilihan jurulatih hoki wanita**

# Penilaian terakhir MHC

**Kuala Lumpur:** Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) akan mengadakan satu lagi sesi temuramah bersama empat calon terakhir bagi jawatan jurulatih hoki wanita kebangsaan, sebelum membuat keputusan.

Presidennya, Datuk Seri Subahan Kamal, berkata kali ini panel MHC akan disertai Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara (ISN), Ahmad Faedzal Md Ramli.

“Dua calon tempatan dan dua calon dari luar negara akan ditemuramah secepat mungkin (menerusi sidang video), bagi membuat penilaian terakhir jawatan jurulatih itu sebelum minggu ketiga bulan ini supaya yang terpilih itu nanti boleh mulakan kerjanya pada September.

“Kami juga dalam proses melantik pengarah teknikal yang baharu untuk skuad projek Sukan Asia 2026, supaya beliau akan menyertai panel pemilihan terbabit,” katanya pada sidang media selepas pengumuman penyambungan kerjasama tajaan bersama QNET di Kinrara Resort, di sini, semalam.

Difahamkan calon dari Belanda dan England antara empat calon disenarai pendek, selepas Muhammad Dharma Raj Abdullah membuat keputusan tidak memohon semula jawatan itu.



**Kami juga dalam proses melantik pengarah teknikal yang baharu untuk skuad projek Sukan Asia 2026.**

**Subahan Kamal,  
Presiden MHC**

Sementara itu, Subahan berkata, situasi pandemik COVID-19 di Malaysia kini terkawal dan semua prosedur operasi standard (SOP) diikuti pemain, bagi mengurangkan risiko jangkitan, selepas lima pemain dalam pasukan kebangsaan India disahkan positif virus terbabit.

Subahan juga turut mengumumkan Presiden Persatuan Hoki Perak, Mohd Sayuti Samat; Presiden Persatuan Hoki Kedah,

Mohd Asmirul Anuar Aris dan wakil dari Tenaga Nasional, akan dilantik anggota jawatankuasa eksekutif MHC, manakala anggota lain akan diumumkan kemudian.

Selain itu Subahan berkata, QNET, sebuah entiti perniagaan berdasarkan jualan secara langsung e-dagang, akan memberikan tajaan kira-kira RM1.5 juta bagi tempoh tiga tahun dari 2021 ke 2023.

“Ini satu yang amat membe-rangangkan. Pada ketika pandemik, tidak ramai yang akan mendapat tajaan. Kami (MHC) mempunyai banyak perbelanjaan seperti menganjurkan liga, pembangunan dan kejohanan luar negara, kami akan gunakan wang itu secara terbaik,” katanya selepas mengesahkan satu lagi tajaan kit RM1.5 juta dari PUMA, bulan lalu.

Pengarah Urusan QI Group Kuna Senathirajah, berkata kumpulan itu menerusi anak syarikatnya QNET, gembira untuk menerus sokongan kepada MHC dan Persatuan Hoki Selangor serta menegaskan mereka tidak bercadang menubuhkan pasukan hoki pada masa ini.

QNET juga penaja pasukan Liga Perdana Inggeris, Manchester City dan pemilik pasukan Kelab Bolasepak Petaling Jaya (PJ City FC), untuk Liga Malaysia, selain menjadi rakan penaja MHC sejak 2015. BERNAMA

•